



Piah Arshad, 48 dan anaknya, Wardina Sumaiyah, 8 menyusun keladi di tempat yang lebih tinggi untuk mengelakkan rosak akibat **banjir di Kampung Parit Mahang**. [FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]

Empat kawasan Banjir Tahap 1

Kuala Selangor: Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengisytiharkan Banjir Tahap 1 di empat kawasan banjir di daerah ini, semalam.

Ia membabitkan Kampung Sungai Mahang, Kampung Bukit Kerayong, Kampung Simpang Tiga dan Kampung Ladang Tuan Mee.

Pegawai Daerah Kuala Selangor merangkap Pengerusi Bencana Kuala Selangor, Shamsul Shahril

Badlisza Mohd Noor, berkata pengisytiharan itu berikutan jumlah mangsa banjir melebihi 400 orang.

Sehingga jam 8 malam tadi, seramai 506 mangsa dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Parit Mahang termasuk sebahagian daripada mereka sebelum ini ditempatkan di Balai Rakyat Kampung Parit Mahang, manakala

41 mangsa menumpang di Mas-



Arajimi Sapri, dan anaknya, Dzulrahman Aziz **membawa barangan kelengkapan ke Pusat Permindahan di Kampung Parit Mahang, Kuala Selangor.**

jid Simpang 3 Jeram.

Katanya, jumlah mangsa dijangka bertambah jika berlaku hujan lebat dalam masa terdekat, ditambah dengan paras air semakin naik berikutan air pasang.

"Sehingga petang semalam (kelmarin), Jabatan Kerja Raya (JKR) melaporkan paras air di atas jalan raya mencecah paras 250 milimeter (mm)," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan mangsa banjir di Balai Raya Kampung Parit Mahang, di sini, semalam.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Sha-

hidan Kassim bersama Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim, melawat mangsa banjir di kawasan berkenaan serta memberi sumbangan peribadi, selain bantuan bekalan makanan dan keperluan asas kepada mangsa.

Naik taraf kolam takungan

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Hashim Osman, pula berkata kerja menaik taraf kolam takungan berkeluasan 8.10 hektar di Puncak Alam, yang dimulakan pada Oktober lalu, dijangka siap Jun tahun depan.

Pada masa sama, katanya, stesen hujan JPS Selangor turut merekodkan taburan hujan yang tinggi dipercayai menjadi punca banjir kilat di sekitar Shah Alam, Isnin lalu.

"Dua stesen hujan di Shah Alam mencatatkan taburan hujan yang tinggi iaitu 104mm dalam masa dua jam di stesen Batu Tiga dan bacaan sama dalam masa tiga jam di Stesen TTDI Jaya," katanya.

Di **Ipoh**, seramai 242 mangsa banjir daripada 58 keluarga ditempatkan di empat pusat pemindahan di empat daerah, semalam.